

22 JAN 2001

PBB-Iraq (Bergambar)

SEKATAN PBB TERHADAP IRAQ LANGGAR UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Bekas Penyelaras Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Iraq, Hans Van Sponech melabelkan sekatan ekonomi selama 10 tahun oleh badan dunia itu terhadap negara Asia Barat berkenaan sebagai "melanggar undang-undang antarabangsa".

Menurutnya sebab di sebalik keputusan Majlis Keselamatan PBB terhadap sekatan kontroversial terhadap Iraq itu selepas perang Teluk pada 1990 telah luput dan dengan sendirinya tidak lagi sah.

"Sekatan dikenakan selepas tanggapan PBB bahawa Iraq menimbulkan bahaya dan ancaman kepada negara-negara jirannya. Tetapi sekarang, saya tanya "apakah ancaman" (Iraq untuk sekatan itu diteruskan," katanya pada forum awam mengenai Menggalakkan Satu Budaya Aman: Kesan Sekatan PBB, di sini.

Van Sponech yang memegang jawatan itu antara 1998 dan 2000 sebelum bersara bagi menunjukkan bantahan terhadap sekatan berkenaan berkata ia merupakan satu tindakan tidak bermoral dan beretika terhadap penduduk Iraq yang tidak berdosa.

Forum awam anjuran Persatuan Wanita Pan Pasifik dan Asia Tenggara Malaysia itu dirasmikan oleh penaungnya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang juga isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir ialah duta khas PBB ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail.

Van Sponech berkata tentera Iraq yang suatu masa dulu digeruni, telah dikurangkan kepada pasukan kelas tiga selepas pengeboman bertubi-tubi oleh pakatan pelbagai negara yang diketuai Amerika Syarikat semasa Perang Teluk dan selepas tempoh itu.

"Tidak ada apa yang perlu ditakuti lagi mengenai tentera Iraq," katanya sambil menegaskan bahawa kesimpulan yang Iraq bukan lagi ancaman juga dipersetujui oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright.

Tetapi katanya, Amerika dan sekutunya Britain, sehingga ini terus menghentam kerajaan Saddam Hussein untuk mewajarkan terus sekatan itu.

Pada forum itu, Van Sponech juga membacakan perangkaan hasil sekatan PBB yang dicapnya sebagai "maklumat yang menakutkan" mengenai keadaan semasa kemanusiaan di Iraq.

Menurutnya akibat sekatan itu, 21 peratus kanak-kanak Iraq menderita akibat kurang zat makanan, kematian di kalangan kanak-kanak meningkat sebanyak 196 peratus dan kejadian penyakit leukemia yang lebih tinggi.

"Punca utama penderitaan itu adalah kerana sekatan ekonomi," katanya.

Van Sponech juga berkata negara-negara yang mahu meneruskan sekatan itu terbabit dalam "penipuan yang diatur" untuk memberi gambaran berbeza ke atas Iraq kepada masyarakat dunia.

"Mereka (negara-negara itu) menggambarkan keadaan yang tidak wujud," katanya dan menjangkakan penduduk Iraq tidak akan mendapat keadilan terutama "dalam mahkamah yang dipenuhi pengecut."

Beliau juga menggesa pemansuhan program "Minyak-untuk-Makanan" yang diuruskan PBB yang bertujuan membolehkan negara itu menjual minyaknya untuk membeli keperluan asas.

Langkah itu katanya, diputuskan pada peringkat awal sebagai penyelesaian sementara tetapi kini PBB cuba menjadikannya tetap dan menginstitusikan program itu.

-- BERNAMA

MHI ZS LAT RON